

²⁸³
NO. SOALAN : 284

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]

DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan golongan yang berpendapatan rendah tidak mengalami kesusahan apabila GST dikuatkuasakan kelak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sememangnya sedang bersedia untuk berdepan dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau GST pada tahun hadapan. Beberapa tindakan persediaan telah pun diambil oleh KPDKKK seperti berikut:

- i) Dari aspek perundangan, Kementerian telah membuat pindaan terhadap Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 supaya akta ini selaras dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan pada tahun 2015. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 telah diwartakan pada 24 Julai 2014 dan mula berkuatkuasa pada 1 September 2014;
- ii) Dari aspek penguatkuasaan pula, Kementerian akan terus melaksanakan pemeriksaan serta pemantauan yang rapi dan menyeluruh ke atas semua barang melalui **OPS HARGA 2014**. Sehingga 23 September 2014, sebanyak 1,157,637 pemeriksaan telah dilakukan dan 4,731 tindakan undang-undang telah diambil ke atas peniaga melibatkan rampasan bernilai RM919,693.55 dan kompaun sebanyak RM234,400; dan
- iii) Selain daripada itu, Kementerian turut melaksanakan langkah-langkah berterusan seperti:
 - a) **Gerakan Pematuhan Tanda Harga** bertujuan memastikan peniaga mematuhi undang-undang berkaitan penandaan harga. Sehingga 23 September 2014, sebanyak 2,615

tindakan undang-undang telah dikenakan ke atas peniaga yang ingkar;

- b) mengeluarkan notis di bawah Sekyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 23 September 2014, sebanyak 89 notis telah dikeluarkan atas kesalahan ini; dan
- c) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bertujuan menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan tinggi semasa musim perayaan. Melalui skim ini, penentuan harga maksimum dibuat di peringkat pengeluar, borong dan runcit mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga untuk memastikan harga barang keperluan adalah berpatutan.